

Transkrip Ucapan Presiden Barack Obama
Lembaran Baru
Universiti Kaherah
Kaherah, Mesir
4 Jun, 2009

Saya ucapkan ribuan terima kasih. Selamat tengahari. Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di bandaraya Kaherah yang bersejarah ini, dan diraikan pula oleh dua buah institusi yang begitu mengagumkan. Selama lebih seribu tahun, Al-Azhar telah berdiri megah sebagai mercu pengajian Islam; dan selama lebih satu abad, Universiti Kaherah telah menjadi sumber kemajuan Mesir. Jika digandingkan bersama, kedua-dua institusi ini melambangkan keharmonian antara tradisi dan kemajuan. Saya amat berterima kasih atas layanan mesra yang diberikan oleh saudara- saudari kepada saya, serta layanan mesra oleh rakyat Mesir umumnya. Saya dengan perasaan bangga membawa bersama-sama saya salam persahabatan daripada rakyat Amerika, dan ucap salam daripada masyarakat Islam di negara saya: Assalaammu'alaikum. (Tepukan)

Kita bertemu di sini pada ketika Amerika Syarikat dan umat Islam di seluruh dunia sedang berada dalam ketegangan—ketegangan yang berpunca daripada peristiwa-peristiwa sejarah yang menjurus kepada pelbagai perbincangan tentang dasar semasa. Hubungan Islam dengan negara-negara Barat telah memperlihatkan wujudnya kehidupan bersama dan kerjasama yang berlanjutan selama berdekad-dekad lamanya, walaupun terdapat konflik dan peperangan agama. Tidak begitu lama dahulu, ketegangan disemarakkan lagi dengan dasar penjajahan yang menafikan hak serta peluang di kalangan ramai umat Islam, manakala Perang Dingin memperlihatkan negara-negara yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Islam digunakan sebagai proksi tanpa mengambil kira aspirasi penduduk tempatan. Tambahan, perubahan secara menyeluruh yang dibawa oleh arus permodenan dan globalisasi telah memberi tanggapan kepada masyarakat Islam bahawa negara-negara Barat menentang tradisi Islam.

Puak pelampau yang ganas telah mengeksploitasi ketegangan ini di kalangan masyarakat Islam yang mahupun kecil bilangannya tetapi amat berpengaruh. Serangan yang dilancarkan pada 11 September, 2001, serta tindakan mengganas yang berterusan terhadap orang ramai oleh puak

pelampau ini telah menyebabkan sesetengah orang di negara saya menganggap Islam sebagai memusuhi bukan sahaja Amerika dan negara-negara Barat, tetapi juga hak asasi manusia. Semua ini telah menyemarakkan lagi perasaan takut dan rasa curiga.

Selagi perhubungan kita ditentukan oleh garis perbezaan yang ada, maka selagi itulah kita akan memperkasakan mereka yang menyemai perasaan benci dan bukan kedamaian; memperkasakan mereka yang mempromosikan konflik dan bukan kerjasama kerana kedamaian dan kerjasama inilah yang akan membantu seluruh rakyat mencapai keadilan dan kemakmuran. Kesemua syak wasangka dan perbalahan ini mestilah dihentikan.

Saya datang ke Kaherah untuk membuka lembaran baru bagi perhubungan antara Amerika Syarikat dan masyarakat Islam di seluruh dunia, iaitu suatu perhubungan yang berdasarkan kepentingan bersama serta saling hormat-menghormati; perhubungan yang berlandaskan hakikat bahawa Amerika dan Islam tidak eksklusif dan tidak semestinya bersaing antara satu sama lain. Malah, kedua-dua pihak ini sebenarnya saling berkongsi prinsip-prinsip bersama—prinsip seperti keadilan dan kemajuan; toleransi dan kemuliaan insan.

Saya berbuat demikian atas kesedaran bahawa perubahan tidak boleh berlaku dengan sekelip mata. Saya juga tahu terlalu banyak yang telah diperkatakan tentang ucapan ini. Namun, satu ucapan sahaja tidak akan mampu mengikis perasaan curiga yang telah berlanjutan bertahun-tahun lamanya. Saya juga tidak mampu menjawab segala persoalan rumit yang telah membawa kita ke tahap ini dalam tempoh waktu yang ada pada saya di petang ini. Namun begitu, saya yakin sebelum kita dapat maju ke depan, kita harus meluahkan segala yang terpendam di dalam hati, itu pun ianya hanya berlaku di sebalik tirai sahaja. Kita perlu berusaha untuk terus membuka telinga dan mendengar antara satu sama lain; belajar antara satu sama lain; saling hormat-menghormati antara satu sama lain; dan mencari seberapa banyak persamaan. Sebagaimana yang tercatat dalam kitab suci Al-Quran, “Bertakwalah kepada Allah, dan berkatalah dengan perkataan yang tepat dan benar.” (Tepukan) Inilah yang saya akan cuba lakukan pada hari ini—untuk bercakap sejujur yang mungkin, dengan perasaan rendah diri terhadap tugas yang harus kita laksanakan, dan teguh dengan keyakinan bahawa kepentingan

yang kita kongsi bersama sebagai umat manusia adalah lebih utuh berbanding usaha untuk memecah-belahkan kita.

Sebahagian daripada keyakinan ini berpunca daripada pengalaman saya sendiri. Saya seorang Kristian tetapi keluarga bapa saya berasal dari Kenya yang terdiri daripada beberapa generasi keturunan yang beragama Islam. Semasa kecil, saya tinggal selama beberapa tahun di Indonesia dan kerap mendengar azan setiap waktu Subuh dan Maghrib. Sebagai seorang muda, saya pernah bekerja di Chicago di mana ramai di kalangan masyarakat di situ mengecapi kemuliaan dan kedamaian dalam agama Islam yang dianuti.

Sebagai pelajar sejarah, saya sedia maklum tentang sumbangan Islam terhadap tamadun kita. Di tempat-tempat seperti Universiti Al-Azhar, Islam telah membawa pelita ilmu selama berabad-abad, membuka jalan kepada Zaman Pembaharuan *Renaissance* dan Zaman Kesedaran di Eropah. Malah, inovasi-inovasi di kalangan masyarakat Islamlah... (Tepukan) ...yang telah mencipta urutan algebra; kompas bermagnet dan peralatan pengemudian; kecekapan menggunakan pen dan percetakan; pemahaman kita tentang bagaimana penyakit merebak dan rawatannya. Kebudayaan Islam telah memberi kita pintu-pintu gerbang yang hebat dan bangunan-bangunan yang mencakar langit; puisi yang tak lapuk dek zaman dan musik kekal lama; kaligrafi yang menarik dan tempat-tempat untuk bertafakur. Sepanjang sejarah juga, Islam telah mempamerkan, baik menerusi kata-kata mahupun tindak-tanduk, bahawa toleransi agama dan kesaksamaan kaum mampu diwujudkan. (Tepukan)

Saya juga mengetahui bahawa Islam telah sekian lama membentuk sebahagian latar belakang Amerika. Negara pertama yang mengiktiraf negara saya adalah Maghribi. Semasa menandatangani Perjanjian Tripoli pada tahun 1796, presiden kedua kami, iaitu John Adams, telah menulis, “Amerika Syarikat tidak ada sebarang rasa permusuhan terhadap undang-undang, agama atau ketenteraman umat Islam.” Malah, sejak penubuhannya, masyarakat Islam di Amerika telah memperkayakan Amerika Syarikat. Mereka telah sama-sama bergadai nyawa dalam peperangan, berkhidmat dalam kerajaan, bangun untuk menegakkan hak awam, membuka perniagaan, mengajar di universiti-universiti, berjaya dalam bidang sukan, memenangi Hadiah Nobel, membina bangunan tertinggi, dan menyalakan obor Olimpik. Dan apabila seorang warga

Islam Amerika yang pertama telah dipilih menjadi ahli Kongres, beliau telah mengangkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan menggunakan kitab suci Al-Quran yang disimpan oleh salah seorang Bapa Pengasas kami—Thomas Jefferson—di dalam perpustakaan peribadinya. (Tepukan).

Oleh itu, saya telah mengenali Islam di tiga buah benua sebelum datang ke tempat di mana agama ini diturunkan. Pengalaman ini menguatkan keyakinan saya bahawa kerjasama antara Amerika dan Islam mesti berlandaskan Islam yang sebenar, dan bukan yang tidak benar. Saya menganggap tanggungjawab saya sebagai Presiden Amerika Syarikat adalah untuk memerangi stereotaip negatif terhadap Islam di mana-mana sahaja ia berlaku. (Tepukan)

Namun begitu, prinsip yang sama juga benar bagi tanggapan masyarakat Islam terhadap Amerika. (Tepukan) Seperti mana orang Islam tidak mengikuti mana-mana stereotaip, begitu juga Amerika tidak mengikuti stereotaip empayar yang berkepentingan diri. Amerika Syarikat telah menjadi salah satu sumber kemajuan paling hebat yang pernah diketahui dunia. Kami wujud akibat revolusi menentang sebuah empayar. Penubuhan kami berasaskan gagasan bahawa semua dicipta adalah sama, dan banyak pertumpahan darah berlaku dan berjuang selama berabad-abad demi gagasan tersebut—baik di dalam sempadan kami, mahupun di serata dunia. Kami dibentuk oleh setiap budaya dari seluruh pelusuk dunia, dan berpegang kepada suatu konsep yang mudah: *E pluribus unum*—“Daripada ramai, satu.”

Banyak yang telah diperkatakan tentang bagaimana seorang rakyat Afrika Amerika yang membawa nama Barack Hussein Obama telah berjaya dipilih sebagai presiden. (Tepukan) Sebenarnya, cerita saya bukanlah sesuatu yang luar biasa. Walaupun impian mendapat peluang untuk semua tidak menjadi kenyataan bagi setiap rakyat di Amerika, namun janji ini wujud kepada sesiapa sahaja yang datang ke negara kami—ini termasuk hampir tujuh juta rakyat Islam Amerika di negara kami yang pada masa ini mengecapi tahap pendapatan dan pendidikan yang lebih tinggi berbanding pencapaian purata warga Amerika. (Tepukan)

Malah, kebebasan di Amerika merangkumi kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing. Itu sebabnya terdapat sebuah masjid di setiap negeri di Amerika Syarikat, dan terdapat

lebih 1,200 buah masjid di dalam lingkungan sempadan kami. Sebab itu jugalah kerajaan Amerika Syarikat sanggup berdebat di mahkamah dan membela hak untuk memakai hijab oleh wanita dan gadis, serta menghukum sesiapa yang melarang mereka daripada berbuat demikian. (Tepukan)

Maka, yakinlah bahawa: Islam adalah sebahagian daripada Amerika. Dan saya percaya bahawa Amerika mendukung kebenaran yang sejagat, iaitu tidak kira bangsa, agama, atau pangkat, kita semua mempunyai aspirasi yang sama—iaitu untuk hidup dalam keadaan aman dan sejahtera; untuk mendapatkan pendidikan dan pekerjaan; untuk menyayangi keluarga kita, masyarakat kita, dan Tuhan kita. Inilah yang akan kita kongsi bersama. Ini adalah harapan manusia sejagat.

Memang benar bahawa menyedari persamaan kita sebagai manusia hanyalah permulaan tugas kita. Kata-kata sahaja tidak dapat memenuhi keperluan rakyat kita. Keperluan ini hanya mampu dipenuhi jika kita bertindak dengan berani di masa-masa akan datang; jika kita faham bahawa segala cabaran yang dihadapi adalah cabaran bersama, dan kegagalan kita untuk menanganinya akan menjejaskan kita semua.

Kita sudahpun mendapat pengajaran daripada pengalaman baru-baru ini apabila sistem kewangan menjadi lemah di sebuah negara, kemakmuran di tempat-tempat lain juga terjejas. Apabila penyakit selesema baru berjangkit kepada seseorang, maka setiap orang lain juga menghadapi ancaman jangkitan. Apabila sebuah negara mengejar cita-cita untuk memperoleh senjata nuklear, maka risiko serangan nuklear juga meningkat terhadap setiap negara. Apabila puak pelampau mengganas di satu-satu banjaran gunung, maka mereka di seberang lautan juga akan menghadapi ancamannya. Apabila rakyat yang tidak berdosa di Bosnia dan Darfur dibunuh secara kejam, maka kejadian itu akan meninggalkan kesan hitam pada hati nurani kita semua. (Tepukan) Inilah yang dimaksudkan dengan berkongsi dunia pada abad ke-21 ini. Itulah tanggungjawab bersama kita sebagai manusia.

Ini merupakan suatu tanggungjawab yang amat sukar untuk dipikul. Ini kerana sejarah manusia banyak mencatatkan peristiwa-peristiwa di mana bangsa dan negara—dan juga agama—telah menindas antara satu sama lain demi mengejar kepentingan masing-masing. Namun, dalam era

baru ini, sikap sedemikian hanya akan merugikan diri kita sendiri. Memandangkan kita saling bergantung antara satu dengan yang lain, mana-mana sistem dunia yang mengagungkan satu-satu negara, akan gagal akhirnya. Oleh itu, apapun pendapat kita tentang masa lepas, kita tidak harus terjerat pada kejadian yang lalu. Segala permasalahan kita perlu ditangani menerusi perkongsian; kemajuan kita harus dikongsi bersama. (Tepukan)

Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa kita harus membelakangkan punca-punca ketegangan. Malah, ia menyarankan yang sebaliknya: Kita mesti berdepan dengan ketegangan ini. Dengan semangat ini, biar saya katakan dengan jelas dan secara berterus-terang tentang beberapa isu yang saya percaya kita perlu hadapi bersama.

Isu pertama yang perlu kita hadapi adalah keganasan dalam apa jua bentuk sekalipun.

Di Ankara, saya telah menjelaskan bahawa Amerika tidak—dan tidak akan—memusuhi Islam. (Tepukan) Sebaliknya, kami akan menentang secara berterusan puak-puak pelampau yang mengancam keselamatan kami. Ini kerana kami menolak sesuatu yang juga ditolak oleh para penganut setiap agama lain: Pembunuhan lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang tidak berdosa. Dan tanggungjawab utama saya sebagai Presiden adalah melindungi rakyat Amerika.

Keadaan di Afghanistan mempamerkan matlamat Amerika, dan keperluan kita untuk bekerjasama. Lebih tujuh tahun dahulu, Amerika Syarikat telah memburu al-Qaeda dan Taliban dengan sokongan yang meluas daripada masyarakat antarabangsa. Pemergian kita ke sana bukan atas pilihan sendiri; keadaan telah memaksa kita pergi. Saya sedar masih ada yang mempersoalkan peristiwa September 11. Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa: al-Qaeda telah membunuh hampir 3,000 orang pada hari tersebut. Mangsa yang terlibat termasuk lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang tidak berdosa dari Amerika dan juga dari negara-negara lain yang tidak mengancam sesiapa pun. Sebaliknya, al-Qaeda memilih jalan untuk membunuh mereka dengan kejam, membuat pengakuan atas serangan tersebut, dan kini masih bertekad untuk membunuh lagi secara besar-besaran. Mereka mempunyai kunci-kunci di banyak negara dan cuba meluaskan lagi pengaruh mereka. Ini bukanlah pendapat untuk diperbahaskan; ini adalah kenyataan yang perlu ditangani.

Jangan salah anggap: Kami tidak mahu mengekalkan penempatan anggota tentera kami di Afghanistan. Kami tidak mahu membina pangkalan tentera di sana. Adalah amat sukar bagi Amerika untuk kehilangan anak-anak muda kami. Kos yang ditanggung adalah tinggi dan dari segi politik, konflik ini sukar dibiarkan berterusan. Kami dengan rela hati akan membawa pulang setiap anggota tentera kami seandainya kami yakin bahawa puak pelampau tiada lagi berada di Afghanistan and kini pula di Pakistan yang bertekad mahu membunuh seberapa ramai rakyat Amerika yang mungkin. Namun, keadaan ini belum lagi menjadi kenyataan.

Sebab itulah kami bersekutu dengan gabungan 46 buah negara. Walaupun kosnya tinggi, namun komitmen Amerika tidak akan goyah. Malah, mana-mana pihakpun tidak harus bersikap toleransi terhadap puak-puak pelampau ini. Mereka telah membunuh di banyak negara. Mereka telah membunuh para penganut daripada pelbagai agama—lebih-lebih lagi, mereka telah membunuh umat Islam. Tindakan mereka ini bercanggah dengan hak kemanusiaan, bercanggah dengan kemajuan negara-negara, dan bercanggah dengan Islam. Kitab suci Al-Quran menyatakan bahawa barang siapa yang membunuh orang yang tidak berdosa, maka ini sama seperti dia telah membunuh seluruh umat manusia. (Tepukan) Seterusnya, kitab suci Al-Quran juga menyatakan bahawa barang siapa yang menyelamatkan nyawa seseorang, maka ini sama seperti dia telah menyelamatkan seluruh umat manusia. (Tepukan) Agama mulia yang mempunyai lebih satu billion umatnya ini adalah lebih besar daripada segelintir yang menaruh perasaan benci. Islam bukanlah sebahagian masalah dalam usaha memerangi keganasan—ia memainkan peranan penting dalam mempromosikan kedamaian.

Kita sedar bahawa kuasa ketenteraan sahaja tidak akan dapat menyelesaikan masalah di Afghanistan and Pakistan. Sebab itulah kami merancang untuk melabur lebih AS\$1.5 bilion setiap tahun selama lima tahun akan datang dalam usaha pakatan bersama dengan rakyat Pakistan untuk membina sekolah dan hospital, jalanraya dan perniagaan, serta ratusan juta dolar lagi untuk membantu mereka yang kehilangan rumah. Oleh sebab itulah kami memberi lebih daripada AS\$2.8 bilion untuk membantu rakyat Afghanistan membangunkan ekonomi mereka serta menyediakan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukannya.

Saya akan menyentuh juga tentang isu Iraq. Berbeza dengan Afghanistan, Iraq merupakan peperangan pilihan yang telah menimbulkan pelbagai pendapat yang berbeza di negara saya dan juga di seluruh dunia. Walaupun saya percaya bahawa nasib rakyat Iraq adalah lebih cerah dengan pemergian Saddam Hussein, saya juga percaya bahawa peristiwa di Iraq telah mengingatkan Amerika supaya menggunakan diplomasi dan persepakatan antarabangsa sebaik mungkin bagi menyelesaikan sebarang masalah yang kita hadapi. (Tepukan) Malah, kita harus mengingati kata-kata Thomas Jefferson: “Saya harap kebijaksanaan kita akan meningkat sejajar dengan kuasa kita, dan mengajar kita bahawa penggunaan kuasa secara berpada-pada adalah lebih berkesan daripada penggunaan kuasa secara berlebihan.”

Pada hari ini, Amerika memikul dua tanggungjawab: Membantu Iraq membina masa depan yang lebih cerah—dan menyerahkan kembali Iraq kepada rakyat Iraq. (Tepukan) Saya telah menyatakan kepada rakyat Iraq bahawa kami tidak ingin membina sebarang pangkalan di situ, dan tidak akan membuat sebarang tuntutan ke atas wilayah mereka ataupun sumber negara mereka. Kedaulatan Iraq adalah milik rakyat Iraq. Oleh sebab itulah saya telah mengarah supaya askar kami meninggalkan Iraq menjelang bulan Ogos depan. Sebab itu juga kami akan menghormati perjanjian kami dengan kerajaan Iraq yang dipilih secara demokrasi untuk mengeluarkan tentera kami dari bandaraya-bandaraya Iraq menjelang bulan Julai, dan mengeluarkan kesemua anggota tentera kami menjelang tahun 2012. (Tepukan) Kami akan membantu Iraq melatih pasukan keselamatan mereka dan membangunkan ekonominya. Kami akan menyokong Iraq supaya selamat dan bersatu padu sebagai rakan kongsi, dan tidak sama sekali sebagai penaung.

Akhir sekali, sebagaimana Amerika tidak akan bersikap toleransi terhadap keganasan oleh puak pelampau, kita tidak harus berganjak atau melupakan prinsip-prinsip kita. 11 September merupakan suatu trauma yang hebat bagi negara kami. Ketakutan dan kemarahan yang timbul memang difahami, tetapi dalam beberapa keadaan, ia juga telah menyebabkan kami membuat tindakan yang bercanggah dengan tradisi dan idealisme kami. Kami kini sedang mengambil langkah-langkah konkrit untuk mengubah haluan ini. Saya telah mengharamkan cara seksaan oleh kerajaan Amerika Syarikat, dan saya telah mengarahkan penutupan penjara di Teluk Guantanamo menjelang awal tahun depan. (Tepukan)

Amerika akan mempertahankan diri, menghormati kedaulatan negaranya, dan kedaulatan undang-undang dan kami akan melakukan ini melalui kerjasama dengan masyarakat-masyarakat Islam yang juga turut diancam. Lebih cepat puak-puak pelampau ini disisihkan dan dipulaukan oleh masyarakat Islam, lebih cepat kita akan bebas daripada ancaman.

Sumber ketegangan kedua yang perlu kita bincangkan adalah keadaan yang wujud antara Israel, Palestin, dan dunia Arab.

Hubungan erat Amerika dengan Israel memang diketahui umum. Hubungan ini tidak boleh diputusan. Ia berasaskan perhubungan budaya dan sejarah, serta pengiktirafan terhadap aspirasi kaum Yahudi untuk memiliki tanahair mereka sendiri susulan sejarah tragis yang tidak boleh dinafikan.

Di seluruh dunia, kaum Yahudi telah dianiaya selama berabad-abad, dan sikap anti Yahudi di Eropah telah berakhir dengan pembunuhan beramai-ramai kaum tersebut. Keesokan hari, saya akan berangkat ke Buchenwald yang merupakan sebahagian daripada rangkaian kem-kem di mana kaum Yahudi telah dikurung, diseksa, ditembak, dan digas sehingga mati oleh Reich Ketiga. Enam juta orang Yahudi telah dibunuh—bilangan ini mewakili lebih daripada seluruh penduduk Yahudi yang ada pada hari ini. Penafian terhadap kenyataan ini amat tidak berasas, amat jahil, dan sangat terkutuk. Mengancam Israel dengan kemusnahan—atau mengulangi stereotaip tentang Yahudi—adalah salah, dan hanya akan mengingatkan semula kenangan pahit di kalangan rakyat Israel, serta menghalang hak masyarakat di rantau tersebut untuk mengecapi kedamaian.

Sebaliknya, tidak boleh dinafikan bahawa masyarakat Palestin juga—samada Muslim dan Kristian—telah menderita dalam perjuangan mereka untuk memiliki tanahair sendiri. Lebih enam puluh tahun mereka telah menderita akibat kehilangan kampung halaman. Ramai yang menunggu di kem-kem pelarian di Tebing Barat, Gaza, dan negara-negara jiran untuk memulakan kehidupan yang aman dan selamat yang selama ini tidak pernah mereka kecap. Mereka menghadapi penghinaan setiap hari—besar dan kecil—yang berlaku akibat dijajah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa: Keadaan rakyat Palestin amat perit. Amerika tidak akan

membelakangkan aspirasi sah rakyat Palestin terhadap maruah, peluang, dan tanahair mereka. (Tepukan)

Selama berdekad-dekad, tiada siapa yang menang atau kalah: Kedua-dua belah pihak mempunyai aspirasi yang sah, kedua-dua belah pihak juga melalui sejarah pedih yang membuatkan kompromi sukar dicapai. Memang mudah untuk menuding jari—bagi pihak Palestin untuk menyatakan punca kehilangan kampung halaman adalah akibat penubuhan Israel, dan bagi Israel untuk menyatakan permusuhan dan serangan sering dilakukan di dalam dan di luar sempadan wilayah sepanjang sejarahnya. Jika kita melihat konflik ini hanya dari sudut satu pihak atau pihak yang lain, maka kita tidak akan dapat melihat apa yang nyata: Satu-satunya penyelesaian adalah dengan memenuhi aspirasi kedua-dua belah pihak menerusi dua buah negara, di mana rakyat Israel dan rakyat Palestin hidup secara berasingan dengan aman dan selamat. (Tepukan)

Ini demi kepentingan Israel, kepentingan Palestin, kepentingan Amerika, dan kepentingan seluruh dunia. Oleh sebab itulah saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat ini. (Tepukan) Segala kewajipan—segala kewajipan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dalam perjanjian damai adalah jelas. Bagi mencapai kedamaian, sudah tiba masanya untuk mereka—dan untuk kita semua—supaya melaksanakan tanggungjawab kita.

Pihak Palestin mesti menghentikan keganasan. Tentangan menerusi keganasan dan pembunuhan adalah salah dan tidak akan membawa kejayaan. Selama berabad-abad, masyarakat kulit hitam Amerika mengalami penderitaan diperhambakan dan dihina oleh sistem pemisahan. Namun, bukan keganasan yang telah berjaya mengembalikan sepenuh hak-hak kesaksamaan kepada mereka. Ia dilakukan menerusi ketegasan dan keazaman untuk mencapai idealisme yang merupakan asas penubuhan Amerika. Kisah yang serupa juga diceritakan oleh masyarakat lain, baik dari Afrika Selatan hinggalah ke Asia Selatan; dari Eropah Timur ke Indonesia. Ia merupakan kisah yang mengandungi suatu kebenaran yang mudah: Iaitu, keganasan akan menemui kebuntuan. Ia bukannya tanda berani atau kuasa untuk melancarkan roket ke arah kanak-kanak yang sedang tidur, atau meletupkan wanita-wanita tua di dalam bas. Itu bukannya tuntutan moral; itu adalah kemusnahan moral.

Kini sudah tiba masanya bagi rakyat Palestin untuk menumpukan perhatian kepada apa yang mereka boleh bina. Pihak Berkuasa Palestin mesti membangunkan keupayaan untuk mentadbir, serta membina institusi-institusi yang dapat memenuhi keperluan rakyatnya. Hamas memang mempunyai sokongan daripada sesetengah kalangan rakyat Palestin, tetapi mereka juga patut sedar akan tanggungjawab mereka. Bagi memainkan peranan untuk memenuhi aspirasi rakyat Palestin, bagi menyatu-padukan rakyat Palestin, Hamas mesti menghentikan keganasan, mengiktirafkan perjanjian-perjanjian lepas, dan mengiktiraf hak Israel untuk wujud.

Pada masa yang sama, Israel mesti menerima hakikat bahawa sebagaimana Israel berhak untuk wujud, begitu juga Palestin mempunyai hak untuk wujud. Amerika tidak menerima kesahihan penempatan-penempatan Israel yang terus dilakukan secara berterusan. (Tepukan) Pembinaan ini mencabuli perjanjian-perjanjian yang lalu dan menjejaskan usaha damai. Sudah tiba masanya untuk menghentikan pembinaan penempatan ini. (Tepukan)

Israel juga mesti melaksanakan tanggungjawabnya bagi menentukan supaya rakyat Palestin dapat hidup dan bekerja serta membangunkan masyarakat mereka. Krisis kemanusiaan yang berterusan di Gaza bukan sahaja menghancurkan keluarga rakyat Palestin, malah menjejaskan juga keselamatan Israel. Begitu juga dengan ketiadaan peluang di Tebing Barat. Kemajuan dalam kehidupan harian rakyat Palestin mesti menjadi sebahagian isu penting dalam usaha damai, dan Israel mesti mengambil langkah-langkah konkrit untuk membenarkan kemajuan tersebut.

Akhir sekali, negara-negara Arab mesti mengiktiraf Inisiatif Damai Arab sebagai suatu titik permulaan yang penting. Namun, tanggungjawab mereka tidak berakhir di situ sahaja. Konflik Arab-Israel tidak boleh lagi digunakan sebagai alasan untuk mengalih perhatian masyarakat negara-negara Arab daripada permasalahan lain. Sebaliknya, ia harus dijadikan punca tindakan bagi membantu rakyat Palestin membangunkan institusi-institusi yang dapat menampung pembangunan negara mereka; untuk mengiktiraf kesahihan negara Israel; dan untuk memilih kemajuan berbanding tumpuan kepada peristiwa-peristiwa lepas yang hanya akan merugikan diri sendiri.

Amerika akan menyelaraskan dasar-dasarnya dengan dasar-dasar mereka yang inginkan kedamaian, dan kita akan menyatakan secara terbuka apa yang dinyatakan secara tertutup, baik kepada pihak Israel, pihak Palestin, mahupun pihak negara-negara Arab. (Tepukan) Kami tidak boleh memaksa kedamaian. Tetapi secara senyap, ramai di kalangan umat Islam mengakui bahawa Israel tidak akan lenyap dengan begitu sahaja. Malah, ramai juga di kalangan rakyat Israel sendiri yang mengakui tentang perlunya mewujudkan negara Palestin. Oleh itu, sudah sampai masanya untuk kita bertindak atas apa yang setiap orang tahu sebagai kenyataan.

Sudah terlalu banyak air mata yang mengalir. Sudah terlalu banyak pertumpahan darah. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk berusaha merealisasikan suatu hari nanti apabila para ibu daripada kedua-dua masyarakat Israel dan Palestin dapat melihat anak-anak mereka membesar tanpa perasaan takut; apabila Tanah Suci bagi ketiga-tiga agama utama ini menjadi tempat yang aman damai sebagaimana yang dikehendaki oleh ALLAH; apabila Baitulmaqdis menjadi tempat tinggal yang selamat dan berkekalan bagi orang Yahudi, Kristian dan umat Islam, iaitu suatu tempat di mana keturunan Nabi Ibrahim dapat bergaul secara aman seperti yang diceritakan dalam riwayat Isra'... (Tepukan) ...seperti yang diceritakan dalam riwayat Isra' di mana Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Muhammad s.a.w. telah sama-sama menjalankan ibadah solat. (Tepukan)

Punca ketegangan yang ketiga adalah kepentingan bersama terhadap hak dan tanggungjawab negara-negara berkenaan senjata nuklear.

Isu ini merupakan punca ketegangan antara Amerika Syarikat dan Republik Islam Iran. Selama beberapa tahun, Iran telah mempamerkan pendirian menentang negara saya, dan memang benar wujudnya sejarah hubungan yang agak bergelora antara kedua-dua negara. Semasa Perang Dingin, Amerika Syarikat telah memainkan peranan dalam penyingkiran sebuah kerajaan Iran yang dipilih secara demokrasi. Sejak Revolusi Islam, Iran telah memainkan peranan dalam pengambilan tawanan-tawanan tebusan dan tindakan ganas terhadap tentera dan orang awam A.S. Sejarah ini diketahui umum. Daripada terperangkap dalam sejarah silam, saya telah menyatakan kepada para pemimpin dan rakyat Iran bahawa negara saya bersedia untuk

membuka lembaran baru. Persoalannya sekarang adalah bukan apa yang dibantah oleh Iran, tetapi jenis masa depan apa yang ingin dibina oleh Iran.

Saya sedar memang sukar untuk mengatasi perasaan curiga yang sudah berlanjutan berdekad-dekad lamanya tetapi kita tetap akan mara dengan tabah, cecal dan penuh azam. Ada pelbagai isu yang perlu dibincangkan oleh kedua-dua negara dan kami bersedia meneruskan usaha tanpa sebarang pra-syarat dengan berdasarkan sifat saling hormat-menghormati. Namun, setiap pihak sudahpun sedia maklum bahawa berkenaan senjata nuklear pula, kami telah sampai ke tahap penentu. Ini bukan sekadar kepentingan Amerika sahaja. Isu ini adalah berkaitan persaingan penggunaan senjata nuklear di Timur Tengah yang boleh membawa kepada haluan yang amat berbahaya di rantau ini dan juga di dunia.

Saya faham ada yang membantah dan mengatakan mengapa harus sesetengah negara dibenarkan memiliki senjata nuklear padahal yang lain tidak. Tiada satu negara pun yang patut menentukan negara mana harus dilengkapi dengan senjata nuklear. Sebab itulah saya menegaskan sekali lagi komitmen Amerika untuk berusaha ke arah sebuah dunia di mana tiada negara akan menyimpan senjata nuklear. (Tepukan) Mana-mana negara—termasuk Iran—berhak mendapatkan tenaga nuklear bukan senjata jika ia mematuhi tanggungjawab-tanggungjawab bawah Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear. Komitmen itu membentuk asas perjanjian tersebut dan mesti dipatuhi oleh setiap pihak yang mematuhinya. Saya menaruh harapan bahawa setiap negara di rantau ini akan berkongsi matlamat ini.

Isu keempat yang akan saya utarakan ialah demokrasi. (Tepukan)

Saya sedar wujudnya kontroversi tentang isu mempromosikan demokrasi pada beberapa tahun kebelakangan ini dan sebahagian besar daripada kontroversi ini berkait rapat dengan peperangan di Iraq. Dengan jelas saya ingin menyatakan di sini bahawa: Tiada mana-mana sistem kerajaan yang boleh atau harus dipaksa ke atas sebarang negara oleh mana-mana pihak sekalipun.

Namun demikian, ini tidak mengurangkan komitmen saya terhadap kerajaan-kerajaan yang mencerminkan kehendak rakyat. Setiap negara menghidupkan prinsip ini dengan caranya

tersendiri, berasaskan tradisi rakyat masing-masing. Amerika tidak mengandaikan apa yang terbaik bagi semua orang, seperti mana kami juga tidak dapat membuat andaian untuk mengetahui keputusan pilihanraya yang aman. Namun, saya kuat dalam pendirian saya bahawa setiap orang mempunyai keinginan tertentu: Kebebasan untuk bersuara dan memperkatakan tentang bagaimana mereka ditadbir; yakin terhadap kedaulatan undang-undang dan pentadbiran keadilan secara saksama; kerajaan yang telus dan tidak mencuri daripada rakyat; kebebasan untuk memilih cara hidup. Ini bukan idea Amerika semata-mata; ini merupakan hak-hak asasi manusia. Sebab itu kami akan tetap menyokong prinsip-prinsip tersebut di mana jua. (Tepukan)

Sememangnya tiada satu-satu jalan yang lurus bagi merealisasikan janji ini. Tetapi apa yang jelas ialah: Kerajaan yang melindungi hak-hak ini adalah lebih stabil, berjaya dan selamat. Menyekat idea-idea tidak akan berjaya melenyapkannya. Amerika menghormati hak setiap bersuara yang dilakukan secara aman dan mematuhi undang-undang di seluruh pelusuk dunia, mahupun kita mungkin tidak setuju dengan pendapat tersebut. Kami juga menyambut baik setiap kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan menganjurkan kedamaian—asalkan pentadbiran mereka mentadbir rakyat mereka secara adil.

Perkara yang terakhir adalah penting kerana ada sesetengah pihak yang menyokong demokrasi hanya bila mereka sudah tidak berkuasa lagi. Semasa mereka berkuasa, mereka kerap mengenakan sekatan terhadap hak-hak orang lain. (Tepukan) Oleh itu, tidak kira di mana jua pun, kerajaan rakyat dan oleh rakyat menetapkan suatu piawai bagi semua yang memegang kuasa: Kita mesti mengekalkan kuasa kita melalui kesepakatan dan bukan paksaan; kita mesti menghormati hak minoriti dan mendukung semangat toleransi dan kompromi; kita mesti meletakkan kepentingan rakyat dan perihal politik yang sah mengatasi parti. Tanpa asas-asas ini, pilihanraya sahaja tidak mencukupi untuk membina suatu demokrasi yang sebenar-benarnya.

Isu kelima yang kita perlu tangani bersama ialah kebebasan beragama.

Islam mempunyai tradisi toleransi yang membanggakan. Kita dapat melihatnya dalam sejarah Andalusia dan Cordoba semasa di Zaman Pasitan (*Inquisition*). Saya mengalaminya sendiri semasa membesar di Indonesia, di mana para penganut Kristian bebas menjalankan tuntutan

agama mereka di sebuah negara yang majoritinya beragama Islam. Inilah semangat yang kita perlukan pada hari ini. Rakyat di setiap negara harus bebas untuk memilih dan mengamalkan agama berasaskan kepercayaan di minda, di hati dan sanubari masing-masing. Toleransi sebegini amat penting untuk perkembangan agama. Namun, ia selalu diancam dengan pelbagai cara.

Di kalangan sesetengah orang Islam pula terdapat suatu kecenderungan untuk mengukur kepercayaan diri menerusi penolakan kepercayaan orang lain. Kekayaan yang wujud dalam kepelbagaian agama harus ditegakkan—sama ada bagi penganut Maronit di Lebanon ataupun penganut Koptik di Mesir. (Tepukan) Jika kita ingin berterus terang, jurang perbezaan antara golongan-golongan umat Islam juga perlu dirapatkan kerana persengketaan antara pihak Sunni dan Shiah telah membawa kepada kemelut yang tragik, terutamanya di Iraq.

Kebebasan beragama adalah pokok kepada kemampuan masyarakat untuk hidup bersama. Kita harus sentiasa meneliti cara-cara kita melindunginya. Misalnya di Amerika Syarikat, peraturan-peraturan yang dikenakan terhadap amal ibadah telah menyusahkan orang Islam untuk memenuhi tuntutan agama mereka. Oleh itu, itu kami komited untuk bekerjasama dengan masyarakat Islam Amerika untuk memastikan mereka dapat menunaikan zakat.

Begitu juga, amat penting bagi negara-negara Barat supaya tidak menyekat dengan sewenang-wenangnya kebebasan umat Islam daripada mengamalkan tuntutan agama mereka—misalnya, jenis pemakaian yang harus dipakai oleh kaum wanita Islam. Kita tidak boleh cuba melindungi rasa permusuhan kita terhadap mana-mana agama di sebalik liberalisme palsu.

Sebenarnya, kepercayaan harus merapatkan kita. Itulah sebabnya kita sedang melaksanakan projek-projek perkhidmatan di Amerika untuk merapatkan penganut-penganut Kristian, Islam, dan Yahudi. Sebab itulah kita mengalu-alukan usaha Raja Abdullah dari Arab Saudi dalam mengadakan dialog antara agama serta kepemimpinan negara Turki dalam Pakatan Tamadun-tamadun. Di seluruh dunia, kita boleh membentuk perkhidmatan antara agama melalui dialog yang dianjurkan. Oleh itu, usaha merapatkan jurang perbezaan antara masyarakat-masyarakat

yang berbeza akan membawa kepada tindakan—sama ada dalam membanteras penyakit malaria di Afrika, ataupun penyediaan bantuan akibat bencana alam.

Isu keenam—isu keenam yang ingin saya bincangkan ialah berkenaan hak wanita. (Tepukan)

Saya tahu—dan anda dapat melihatnya sendiri daripada para hadirin yang turut serta pada hari ini bahawa wujud perbahasan yang sihat tentang isu ini. Saya menolak pandangan sesetengah pihak di Barat bahawa seseorang wanita yang memilih untuk menutup rambutnya adalah rendah tarafnya. Sebaliknya, saya berpendapat bahawa seseorang wanita yang tidak diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan adalah wanita yang telah disekat hak kesaksamaan. (Tepukan) Bukan secara kebetulan bahawa negara-negara di mana kaum wanitanya berpendidikan tinggi adalah negara-negara yang cenderung dan lebih makmur.

Biar saya katakan dengan jelas di sini bahawa: Isu hak persamaan wanita bukan hanya merupakan isu Islam sahaja. Di negara-negara Turki, Pakistan, Bangladesh, dan Indonesia, kita telah melihat bagaimana negara-negara yang majoritinya penganut Islam telah melantik wanita sebagai pemimpin. Pada waktu yang sama, perjuangan hak persamaan wanita masih berterusan dalam pelbagai aspek kehidupan di Amerika, dan di negara-negara lain di seluruh dunia.

Saya percaya bahawa anak-anak perempuan kita juga boleh menyumbang kepada masyarakat seperti mana anak-anak lelaki kita. (Tepukan) Kemakmuran kita bersama akan meningkat dengan membenarkan setiap insan—baik lelaki mahupun perempuan—mencapai potensi sepenuh mereka. Saya tidak berpendapat bahawa wanita harus membuat pilihan yang sama dengan lelaki untuk mencapai persamaan, dan saya memandang tinggi wanita-wanita yang memilih untuk menjalani kehidupan mereka mengikut tradisional masing-masing. Namun, ia mesti dibuat atas pilihan sendiri. Sebab itulah Amerika Syarikat akan bekerjasama dengan mana-mana negara yang majoritinya penganut agama Islam untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis di kalangan anak-anak perempuan, dan membuka peluang pekerjaan kepada gadis-gadis muda menerusi pinjaman mikro supaya impian mereka tercapai. (Tepukan)

Akhir sekali, saya ingin berbincang tentang pembangunan ekonomi dan peluangnya.

Saya tahu terdapat banyak percanggahan dalam menghadapi isu-isu globalisasi. Internet dan televisyen sangat berguna dalam membawa ilmu pengetahuan dan informasi, tetapi saluran tersebut juga memaparkan adegan-adegan seks dan keganasan yang tidak wajar di tonton di rumah. Perdagangan boleh membawa kekayaan baru dan bermacam-macam peluang-peluang berniaga, tetapi ia juga boleh membawa kekacauan dan perubahan kepada komuniti-komuniti. Di setiap negara - termasuk Amerika - perubahan ini boleh membawa kesan yang menakutkan. Takut kerana permodenan boleh membuatkan kita hilang kuasa terhadap penguasaan ekonomi, politik, dan lebih penting identiti kita - apa yang kita patut hargai tentang komuniti kita, keluarga kita, tradisi kita, dan kepercayaan kita.

Saya juga tahu bahawa pembangunan manusia tidak boleh disekat. Tidak perlu ada percanggahan antara pembangunan dan tradisi. Negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan membangunkan ekonomi negara mereka dengan hebat dan dalam masa yang sama menjaga adat resam mereka. Ini juga sama benarnya dengan pembangunan yang hebat di dalam negara dengan majoriti Muslim dari Kuala Lumpur ke Dubai. Di zaman dahulu dan sekarang, komuniti Islam mampu berada di barisan hadapan dalam inovasi dan pendidikan.

Ini penting kerana strategi pembangunan bukan sahaja bersandar kepada dasarnya sahaja, ianya juga tidak boleh bertahan sementara anak-anak muda tiada pekerjaan. Banyak negara-negara Teluk telah menerima kekayaan yang besar kerana minyak, dan sesetengah mereka mula menumpukan kepada pembangunan menyeluruh. Tetapi kita semua mestilah mengaku bahawa pelajaran dan inovasi akan menjadi sumber matawang abad ke 21-- (Tepukan)-- dan dibanyakkkan komuniti Islam, akan ada pelaburan yang tidak terlabur oleh mereka. Saya sendiri menekankan pelaburan seperti berlaku di negara saya. Dan Amerika pada dahulu kalinya ada tertumpu kepada hasil minyak dan gas di bahagian dunia ini, namun kami sekarang ingin mencari hubungan yang lebih luas lagi.

Mengenai pelajaran, kami akan memperluaskan program pertukaran, dan menambahkan biasiswa-biasiswa, seperti yang telah membawa bapa saya ke Amerika, (Tepukan) Pada masa yang sama, kami mahu melihat lebih ramai rakyat Amerika belajar di negara-negara Islam. Dan kami akan mencari tempat untuk pelajar-pelajar Islam yang berpotensi untuk membuat

internship di Amerika; menanam modal dalam pelajaran secara "on-line" untuk guru-guru dan kanak-kanak di seluruh dunia; dan melahirkan suatu jaringan baru secara "online", supaya seorang anak muda dari Kansas boleh berkomunikasi dengan segera dengan seorang anak muda di Kaherah.

Mengenai pembangunan ekonomi, kami akan mencipta suatu badan sukarelawan perniagaan dengan kerjasama di negara majoritinya Islam. Dan saya akan menjadi tuan rumah Persidangan Kemuncak Hal-Ehwal Keusahawanan tahun ini untuk mengenalpasti bagaimana kita boleh mendalami ikatan antara pemimpin-pemimpin perniagaan, yayasan-yayasan dan usahawan-usahawan sosial di Amerika Syarikat dan komuniti Islam di seluruh dunia.

Mengenai sains dan teknologi, kami akan melancarkan suatu dana baru untuk membantu pembangunan teknologi di negara majoritinya Islam, dan membantu memindahkan idea-idea kepada pasaran supaya dapat melahirkan pekerjaan. Kami akan membuka pusat-pusat saintifik yang cemerlang di Afrika, Timur Tengah dan Asia Tenggara dan melantik Duta-Duta Sains yang baru untuk bekerjasama dalam program - program untuk memajukan punca baru tenaga, melahirkan pekerjaan, mendigitalkan rekod-rekod, mengeluarkan air yang bersih, dan menanam tanaman baru. Dan hari ini saya ingin mengumumkan suatu dayausaha global yang baru bersama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk memansuhkan penyakit polio. Dan kami juga akan memperluaskan kerjasama dengan komuniti Islam bagi mempromosikan kesihatan kanak-kanak dan ibu-ibu.

Semua ini mestilah dijalankan secara kerjasama. Rakyat Amerika bersedia berganding bahu bersama rakyat dan kerajaan; komuniti organisasi-organisasi, ketua-ketua agama, dan perniagaan dalam komuniti Islam di seluruh dunia untuk membantu rakyat kita menjalani kehidupan yang lebih baik.

Isu-isu yang saya nyatakan tadi bukan mudah untuk dikecapi. Tetapi kami mempunyai tanggung-jawab untuk bersama-sama bagi pihak masyarakat dunia lain supaya - pihak ekstremis tidak lagi mengugut rakyat kami, dan memaksa askar-askar Amerika untuk kembali; mewujudkan negara-negara di mana pihak Israel dan Palestin sama-sama berasa selamat di

negara masing-masing, dan kuasa nuklear digunakan untuk tujuan keamanan dan mewujudkan satu dunia di mana kerajaannya berkhidmat untuk rakyat, dan hak-hak umat manusia jadian Tuhan dihormati. Kesemua itu adalah kepentingan bersama. Itulah dunia yang kita cari, tetapi kita akan berjaya mendapatkannya secara bersama.

Saya tahu terdapat ramai - orang Islam dan bukan Islam - yang menyoal samada kita mampu mengorak pembaharuan ini. Ada yang mahu menyemarakkan api untuk memecah-belahkan keadaan, dan menyekat perkembangan. Ada yang menyatakan usaha ini sia-sia belaka - dan kita telah ditakdirkan untuk tidak bersefahaman, dan tamadun manusia sudah ditakdirkan bertelingkah. Ada ramai juga yang skeptikal - bahawa pembaharuan yang sebenar boleh berlaku. Terlalu banyak yang ditakuti, terlalu banyak keraguan yang telah bertambah selama beberapa tahun. Tetapi sekiranya kita terikat dengan masa lepas, kita tidak akan boleh maju ke hadapan. Saya juga mahu berkata ini kepada generasi muda setiap agama, di mana jua negara – anda, lebih dari yang lain, mempunyai kebolehan untuk memberi wawasan baru pada dunia ini, dan membina semula dunia ini.

Kita semua di dunia ini hanyalah sementara. Persoalannya ialah samada kita menggunakan masa untuk memberi tumpuan kepada apa yang menjauhkan kita, atau kita sama-sama komited untuk suatu usaha - iaitu usaha berterusan - mencari persefahaman, tumpuan untuk masa depan yang kita cari untuk anak-anak kita, dan untuk menghormati maruah umat manusia.

Adalah mudah untuk memulakan peperangan daripada menamatkannya. Adalah lebih mudah untuk menuduh pihak lain daripada menunding diri sendiri; melihat apa yang berbeza tentang seseorang daripada mencari sesuatu yang boleh kita kongsi. Tetapi kita mesti memilih jalan yang baik, bukan sahaja jalan yang mudah. Di sinilah terletaknya garis panduan di setiap agama - iaitu melakukan sesuatu kepada orang lain sebagaimana kita mahu diperlakukan. (Tepukan) Kebenaran ini merangkumi negara-negara dan manusia sejagat - kepercayaan yang bukan baru, yang bukan hitam atau putih ataupun coklat; yang bukan Kristian atau Islam atau Yahudi. Ianya suatu kepercayaan yang menjadi nadi kepada tamadun manusia dan ianya masih hidup di dalam hati berbilion manusia di seluruh dunia. Ianya adalah kepercayaan pada orang lain, dan itulah sebabnya saya di sini hari ini.

Kita mempunyai kuasa menjadikan dunia ini apa yang kita mahukan, tetapi kita harus mempunyai keberanian untuk membentuk pembaharuan, dan mengingati apa yang telah ditakdirkan.

Kitab Al-Quran memberitahu kita “Wahai manusia! Kami telah mencipta kamu sebagai lelaki dan perempuan; dan Kami telah menjadikan kamu berpuak-puak supaya kamu saling mengenali antara satu sama lain.”

Kitab Talmud memberitahu kita: “Keseluruhan Taurat bertujuan mempromosi keamanan.”

Kitab Injil memberitahu kita, “Berbahagialah mereka yang membawa perdamaian antara manusia, Tuhan akan menyebut mereka itu anak-anaknya.” (Tepukan)

Masyarakat dunia boleh hidup bersama di dalam keamanan. Kita semua tahu ini adalah wawasan Tuhan. Sekarang itulah tanggungjawab kita di dunia ini.

Terima kasih. Dan semoga Tuhan merahmati anda. Terima kasih banyak. Terima kasih (Tepukan)